

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM
PROF. TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN



**MAJLIS MAKAN MALAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN
KERJAYA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (MyGRAD)**

26 Mei 2023 (Jumaat) | 08.00 Malam
Asam Pedas Pak Man, Ayer Keroh, Melaka

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM

Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Al Khalid bin Hj. Othman

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNIMAS

Yang Berusaha Profesor Dr. Arifin Bin Abdu

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM

Yang Berusaha Profesor Dr. Sabri Bin Musa

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UM

Yang Berusaha En Hirman Bin Awang @ Semail
Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik,JPT

Yang Berusaha Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim
Pengarah pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran
Graduan, UTeM

Pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah dan pegawai-pegawai seluruh UA

Barisan urus setia program,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian

Assalamualaikum Wbt

Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani,
Salam UTeMku Sayang
Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

1. Alhamdulillah, saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama-sama pada malam ini dapat berkumpul dalam Majlis Makan Malam Sempena Bengkel Pemantapan Penubuhan Majlis Kebolehpasaran Graduan & Kerjaya Universiti Awam Malaysia atau lebih dikenali sebagai MyGRAD.

2. Terima kasih di atas kesudian semua untuk bersama-sama menghadiri majlis makan malam ini. Diharapkan majlis makan malam ini akan menjadi satu permulaan untuk ahli-ahli bengkel beramah mesra dan kenal mengenali di antara satu sama lain sebelum ke sesi yang lebih serius iaitu bengkel pada hari esok.


Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

3. Pada 06 April 2023 yang lalu, Penubuhan Majlis Kebolehpasaran Graduan Universiti Awam telah dibincangkan dalam Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib

Canselor HEPA bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Setelah bengkel dan pembentangan dibuat maka pihak Bahagian Mahasiswa Holistik, KPT, telah melantik Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif (Timbalan Naib Canselor HEPA, UTeM) sebagai Pengurus dan bersama YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Al Khalid bin Hj. Othman, TNCHEDA UNIMAS merangkap timbalan pengurus untuk menerajui MyGRAD ini berkuat kuasa bermula 06 April 2023.

4. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Mahasiswa

Holistik, BMH atas kepercayaan yang diberi kepada YBhg. Prof. Madya Datuk Sabri bin Mohamad Sharif, Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menerajui MyGRAD ini.

- 
5. Tahniah dan syabas juga kepada Timbalan Timbalan Naib Canselor HEPA yang telah dilantik sebagai tonggak utama dalam hala tuju MyGRAD ini. Tidak dilupakan buat semua 20 pengarah UA dan pegawai-pegawai yang telah dilantik dalam merealisasikan dan memperhalusi gerak kerja MyGRAD ini.

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. Seperti yang kita sedia maklum, perbincangan dan perkara-perkara berkaitan kebolehpasaran graduan diuruskan secara langsung oleh pihak KPT dengan universiti awam. Tiada suatu platform rasmi bagi TNCHCEPA di seluruh universiti awam untuk membincangkan hal ehwal kebolehpasaran graduan secara spesifik.

7. Justeru, satu keperluan mewujudkan suatu platform bagi membincangkan isu-isu dan cabaran semasa berkaitan dengan kebolehpasaran graduan yang lebih berfokus dan

melibatkan pelbagai pemegang-pemegang taruh termasuklah pihak-pihak yang berkepentingan seperti universiti-universiti awam, agensi-agensi kerajaan, dan wakil-wakil industri.




8. Cadangan penubuhan MyGRAD adalah sesuai dan tepat pada waktunya selaras dengan cabaran, perkembangan, dan keperluan terkini.
9. Saya percaya, hasil daripada fokus utama MyGRAD ini dapat memperkasakan kualiti dan kuantiti kebolehpasaran graduan


terutama dalam pemadanan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan graduan. Selain itu usaha ini dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan industri dan agensi berkaitan dan juga merangka pelbagai program yang berimpak tinggi melalui MyGRAD ini.

10. Saya melihat bahawa, Kebolehpasaran graduan & kerjaya adalah dua perkara yang saling berkait rapat dan menjadi salah satu fokus utama agenda negara. Saya amat yakin dengan penubuhan MyGRAD ini, inisiatif berkaitan kebolehpasaran graduan dan kerjaya di universiti awam

dapat perkukuhkan dan isu-isu yang timbul dapat dibincangkan dan diselesaikan dengan lebih efektif.

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian

- 
11. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi melapangkan masa untuk hadir ke bengkel MyGRAD ini dalam menjayakan hasrat MyGRAD ini,

- 
12. Tahniah juga diucapkan kepada barisan urus setia bertugas atas segala komitmen dan usaha demi memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar.
13. Diharapkan semoga kepakaran-kepakaran ahli majlis MyGRAD ini dapat mencapai objektif pelaksanaannya dalam membincangkan kaedah dan gerak kerja sebagai platform untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan secara komprehensif.
14. Sekian, terima kasih.